



IKLAN TAWARAN TAJAAN BIASISWA/ PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI YAYASAN SABAH 2026

Yayasan Sabah mempelawa pemohon yang berkelayakan untuk memohon tajaan Dermasiswa/Biasiswa/Pinjaman Pengajian Tinggi bagi mengikuti pengajian di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) bagi sesi pengajian 2026.

Kriteria pemohon adalah seperti berikut:

- Pemohon, ibu **dan** bapa warganegara Malaysia yang berasal dari Negeri Sabah; atau
- Pemohon, ibu **dan** bapa warganegara Malaysia tetapi salah seorang ibu atau bapa berasal dari Negeri Sabah; atau
- Pemohon, ibu **atau** bapa warganegara Malaysia tetapi salah seorang ibu **atau** bapa mempunyai **status** Penduduk Tetap di Negeri Sabah.

***Keutamaan** diberikan kepada mereka yang berasal dan menetap di Negeri Sabah.

DOKUMEN SOKONGAN PERMOHONAN TAJAAN PENGAJIAN TINGGI YAYASAN SABAH

Sila pastikan semua dokumen berikut telah **DISAHKAN BENAR**:

a) PEMOHON

- Salinan Sijil Kelahiran / Surat Sumpah
- Salinan Kad Pengenal
- Salinan Akaun Bank (Aktif)
- Salinan surat penerimaan masuk ke universiti/kolej (jika ada)
- Salinan sijil-sijil persekolahan yang berkaitan: SPM / SVM / STPM / 'A' LEVELS / MATRIKULASI / ASASI / DIPLOMA / IJAZAH
- Salinan keputusan peperiksaan terakhir - CGPA (jika sudah tamat atau sedang belajar)
- Salinan penyata gaji terkini bagi yang bekerja

c) BAPA/PENJAGA

- Salinan Sijil Kelahiran / Surat Sumpah
- Salinan Kad Pengenal
- Salinan penyata gaji terkini bagi yang bekerja
- Salinan Sijil Kematian jika bapa telah meninggal dunia

d) IBU/PENJAGA

- Salinan Sijil Kelahiran / Surat Sumpah
- Salinan Kad Pengenal
- Salinan penyata gaji terkini bagi yang bekerja
- Salinan Sijil Kematian jika ibu telah meninggal dunia

JENIS-JENIS TAJAAN:

1. BIASISWA

1.1 Biasiswa Cemerlang Negeri Sabah (BCNS)

Tajaan ini dikhususkan untuk pelajar yang memperoleh keputusan **minima 5A+** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM 2025.

Kursus : Matrikulasi/Pra-U/Asasi/'A'Level/Diploma/Ijazah
Tempat Pengajian : Dalam Negara/Luar Negara (bagi luar negara, keutamaan kepada pelajar yang mengikuti Program Berkembar (TTP))

1.2 Biasiswa Cemerlang Pelajar Luar Bandar (BCPLB)

Tajaan ini dikhususkan untuk pelajar luar bandar dari golongan B40 yang memperoleh keputusan **minima 5A** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM 2025.

Kursus : Matrikulasi/Pra-U/Asasi/Diploma/Ijazah
Tempat Pengajian : Dalam Negara (IPTA)

1.3 Biasiswa Pengajian Tinggi (IPTA/IPTS)

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mendapat tawaran belajar atau sedang belajar di IPTA/IPTS tetapi tertakluk kepada kursus-kursus dinyatakan.

Kelayakan **minima 5 kredit** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM. Bagi pemohon Ijazah perlu mendapat sekurang-kurangnya CGPA 3.00 di peringkat Asasi/Matrikulasi/STPM/Diploma atau lulus STAM dengan memperoleh sekurang-kurangnya Jayyid Jiddan.

Peringkat Pengajian: Diploma dan Ijazah
Kursus : Pertanian, Veterinar, Perakaunan, Seni Bina, Ukur Bahan, Keusahawanan, Pengajian Islam
Tempat Pengajian : IPT Tempatan

1.4 Biasiswa Asean/Timur Tengah

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam jurusan Pengajian Islam (Indonesia dan Mesir) dan jurusan Perubatan (Indonesia).

Bagi jurusan Pengajian Islam, kelayakan minima Sijil Penuh dalam peperiksaan STAM (sekurang-kurangnya Jayyid/Baik) dan/atau memperoleh sekurang-kurangnya 4 kredit termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Pendidikan Al Quran & Sunnah dan Pendidikan Syariah Islamiah dalam peperiksaan SPM serta mendapat surat tawaran dari Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bagi pelajar yang ke Timur Tengah.

Peringkat Pengajian: Ijazah
Tempat Pengajian : Universiti di Indonesia dan Mesir

1.5 Biasiswa Sarjana Komputer dan Informatik – YS/UMS

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam jurusan komputer dan informatik pada peringkat sarjana di Universiti Malaysia Sabah.

1.6 Biasiswa Perubatan Veterinar - YS/UMK

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam jurusan Perubatan Veterinar di Universiti Malaysia Kelantan.

Peringkat Pengajian: Ijazah
Tempat Pengajian : Universiti Malaysia Kelantan

1.7 Biasiswa Seni Bina - UCSF

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam jurusan Seni Bina di University College Sabah Foundation (UCSF).

Kelayakan **minima 5 kredit** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM.

Peringkat Pengajian: Diploma/Ijazah
Tempat Pengajian : University College Sabah Foundation (UCSF)

1.8 Biasiswa Pelancongan/Perhotelan - UCSF

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam jurusan Pelancongan dan Perhotelan di University College Sabah Foundation.

Kelayakan **minima 5 kredit** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM.

Peringkat Pengajian: Diploma/Ijazah
Tempat Pengajian : University College Sabah Foundation (UCSF)

1.9 Biasiswa Teknologi Pembinaan (Binaan Bangunan) - KTYS

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikut pengajian dalam jurusan Teknologi Pembinaan di Kolej Teknologi Yayasan Sabah. Kelayakan **minima 5 kredit** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM.

Peringkat Pengajian: Diploma
Tempat Pengajian : Kolej Teknologi Yayasan Sabah

1.10 Biasiswa Pendidikan Awal Kanak-Kanak - KTYS

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam jurusan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Kolej Teknologi Yayasan Sabah.

Kelayakan **minima 5 kredit** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM.

Peringkat Pengajian: Diploma
Tempat Pengajian : Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS)

1.11 Biasiswa Pengajian Ilmu Islam - KTYS

Tajaan dikhususkan kepada pelajar yang mengikut pengajian dalam ilmu Islam di Kolej Teknologi Yayasan Sabah. Kelayakan **minima 5 kredit** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM.

Peringkat Pengajian: Diploma
Tempat Pengajian : Kolej Teknologi Yayasan Sabah

1.12 Biasiswa Asasi Sains - KTYS/UMP

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti kursus Asasi Sains di Kolej Teknologi Yayasan Sabah.

Kelayakan **minima 5 kredit** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM.

1.13 Biasiswa Kejuruteraan Jerman

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mendapat tawaran belajar dalam jurusan kejuruteraan yang dinyatakan di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah. Keutamaan kepada pelajar yang tamat Asasi Sains di KTYS.

Kelayakan **minima CGPA 3.00** dalam peperiksaan peringkat Asasi Sains.

Peringkat Pengajian: Ijazah
Kursus : Kejuruteraan Mekatronik, Kejuruteraan Automotif, Kejuruteraan Perniagaan, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Tempat Pengajian : Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) (Program Kerjasama Jerman)

Kursus : Kejuruteraan Kimia
Tempat Pengajian : Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) (Program Kerjasama China)
Kursus : Bioteknologi Industri
Tempat Pengajian : Universiti Malaysia Pahang Al-Sutan Abdullah (UMPSA) (Program Kerjasama Kazakhstan)

1.14 Biasiswa Kepakaran (Specialist) Dalam Negeri

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian **peringkat Sarjana dan PhD** di IPTA.

1.15 Biasiswa Ulum Islamiah Mesir

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam jurusan Ulum Islamiah di Mesir. Kelayakan minima Sijil Penuh dalam peperiksaan STAM (sekurang-kurangnya Jayyid /Baik) dan/atau memperoleh sekurang-kurangnya 4 kredit termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Pendidikan Al Quran & Sunnah dan Pendidikan Syariah Islamiah dalam peperiksaan SPM serta mendapat surat tawaran dari Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

Peringkat Pengajian: Ijazah
Tempat Pengajian : Universiti Al-Azhar, Mesir

1.16 Biasiswa Perubatan Mesir

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam jurusan Perubatan di Universiti Al- Azhar Mesir. Sekurang-kurangnya mendapat 5B dalam mata pelajaran Biologi, Kimia, Fizik, Matematik Tambahan dan satu subjek lain pada peringkat SPM. Kelayakan **minima CGPA 3.00** dalam peperiksaan PreMedic/Matrikulasi serta mendapat surat tawaran dari Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

Peringkat Pengajian: Ijazah
Tempat Pengajian : Universiti Al-Azhar, Mesir

1.17 Biasiswa Perubatan Russia

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam jurusan Perubatan di Kursk State Medical University Russia. Kelayakan **minima CGPA 3.5** dalam peperiksaan Matrikulasi.

Peringkat Pengajian: Ijazah
Tempat Pengajian : Kursk State Medical University Russia

1.18 Biasiswa Kerjasama Yayasan Sabah Dan Albukhary International University (AIU)

Tajaan berbentuk tiket penerbangan pergi & balik setelah tamat pengajian dan bantuan one-off dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di Albukhary International University (AIU).

Peringkat Pengajian: Asasi dan Ijazah
Tempat Pengajian : Albukhary International University (AIU)

1.19 Biasiswa Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar lepasan Ijazah yang mendapat sekurang-kurangnya **CGPA 3.00**.

Peringkat Pengajian: Diploma Lepas Ijazah
Tempat Pengajian : Universiti Malaysia Sabah

2. DERMASISWA

2.1 Dermasiswa KTYS/Politeknik/UiTM

Tajaan dermasiswa dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti kursus persijilan di Kolej Teknologi Yayasan Sabah, kursus Diploma dan Ijazah di Politeknik dan kursus Pra-Diploma, Diploma dan Ijazah di UiTM. Kelayakan **minima lepasan SPM 3 kredit** termasuk Bahasa Melayu.

Peringkat Pengajian : Sijil/Pra-Diploma/Diploma/Ijazah
Tempat Pengajian : Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS), Politeknik, UiTM

3. PINJAMAN PENGAJIAN

Pinjaman Pengajian ditawarkan kepada pemohon yang mengikuti kursus yang tidak tersenarai di dalam kursus Dermasiswa/Biasiswa Yayasan Sabah.

3.1 Pinjaman IPTA

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Diploma dan Ijazah di IPTA.

3.2 Pinjaman IPTS

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Diploma dan Ijazah di IPTS.

3.3 Pinjaman KTYS

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Diploma di Kolej Teknologi Yayasan Sabah.

3.4 Pinjaman UCSF

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Diploma dan Ijazah di University College Sabah Foundation.

3.5 Pinjaman ASEAN / Timur Tengah

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Diploma dan Ijazah di universiti negara Asean dan Timur Tengah. Perlu mendapat surat tawaran dari Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bagi pelajar yang melanjutkan pengajian ke Timur Tengah.

3.6 Pinjaman Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Diploma, Ijazah, Sarjana dan PhD di IPTA dan IPTS.

3.7 Pinjaman Luar Negara

Tajaan ini dikhususkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Ijazah, Sarjana dan PhD di universiti Luar Negara.

4. KELAYAKAN UMUR

- Sijil/Diploma/Ijazah - tidak melebihi 35 Tahun
- Sarjana/PhD - tidak melebihi 45 tahun

5. CARA MEMOHON

- Permohonan hendaklah melalui sistem atas talian di **Portal Tajaan Pendidikan Sabah (PTPS)**, <https://ptps.sabah.gov.my>.

6. PERHATIAN

- Tarikh tutup permohonan adalah pada 6 Mei 2026 bersamaan hari Rabu.**

- Barang permohonan yang telah dilengkapkan perlu **dicetak** dan **dihantar bersama salinan dokumen sokongan yang telah disahkan** ke alamat seperti berikut:

Unit Pentadbiran
Bahagian Pembangunan Pendidikan, Kumpulan Yayasan Sabah,
Aras 5, Menara Tun Mustapha, Teluk Likas, Peti Surat 11201,
88113 KOTA KINABALU.

Perhubungan:
088 - 421128/421123 (panggilan)
017 - 9958910 (Whatsapp sahaja - Tajaan Biasiswa Pengajian)
012 - 2428910 (Whatsapp sahaja - Tajaan Pinjaman Pengajian)
014 - 9550702/017 - 8370094 (Permohonan online PTPS)

- Permohonan yang **tidak lengkap** atau tidak memenuhi syarat seperti yang ditetapkan **TIDAK akan dipertimbangkan.**

- Permohonan dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak mendapat jawapan **selepas 30 September 2026.**